

**SYARAT - SYARAT PENYERTAAN  
PROGRAM MENTOR MENTEE**

**1. PENDAHULUAN**

Syarat ini digubal bagi memberi panduan kepada para peserta yang ingin menyertai Program Mentor Mentee.

**2. LATAR BELAKANG**

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam membentuk serta mendidik insan untuk memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utamanya adalah membentuk masyarakat yang berpengetahuan tinggi serta beretika seterusnya dapat memajukan negara. Sejajar dengan perkembangan semasa bidang teknologi maklumat dan komunikasi, terdapat pelbagai perisian terkini telah dihasilkan. Dalam era ini juga, para pelajar lebih terdedah kepada pendekatan E-pembelajaran yang membolehkan mereka mencapai maklumat pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Menyedari hakikat keadaan semasa, UMCCed telah melaksanakan mod pembelajaran secara dalam talian bermula 16 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020. Bagi pelajar ambilan Sesi 2019/2020 pelajar-pelajar mungkin telah dapat menyesuaikan diri dengan mod pembelajaran ini, namun bagi pelajar baharu iaitu pelajar ambilan Sesi 2020/2021 perkara ini merupakan satu cabaran baharu buat mereka. Oleh itu, semoga program ini dapat meningkatkan lagi motivasi belajar dan memberi pendedahan kepada pelajar Sesi 2020/2021 tentang cara pembelajaran di UMCCed

**3. OBJEKTIF**

- a. Memberi pendedahan serta peluang kepada pelajar untuk berkongsi pengalaman mereka dalam mod pembelajaran baharu.
- b. Mewujudkan semangat kekeluargaan yang kukuh dan saling hormat menghormati antara mentor dan mentee.
- c. Meningkatkan motivasi pelajar dalam mod pembelajaran semasa.

#### 4. CARA-CARA PENYERTAAN

- a. Peserta perlu mengisi borang penyertaan secara dalam talian di pautan <https://bit.ly/35KO3pP> atau mengimbas kod di bawah:



- b. Pelajar akan dibahagikan kepada 10 kumpulan dan setiap kumpulan akan mempunyai dua (2) orang mentor.
- c. Pecahan kumpulan akan dimaklumkan melalui e-mel yang didaftarkan.
- d. Sesi perkongsian akan diadakan sebanyak dua (2) sesi/bulan secara dalam talian (akan dimaklumkan kepada pelajar).

#### 5. SENARAI TOPIK PERKONGSIAN

SESI	TOPIK
Sesi 1 6 November 2020 (Jumaat)	1. <i>Ice Breaking</i> 2. Sesi perkongsian berkenaan Kampus Universiti Malaya
Sesi 2 20 November 2020 (Jumaat)	1. Pengenalan Kelab Siswa UMCCed Sesi 2020/2021 2. Tips-tips belajar secara dalam talian.
Sesi 3 4 Disember 2020 (Jumaat)	1. Tips-tips menangani stress 2. Perkongsian masalah yang dihadapi oleh pelajar
Sesi 4 18 Disember 2020 (Jumaat)	1. Memahami kekuatan dan kelemahan diri 2. Misi dan visi serta penetapan matlamat.